

Pembinaan Kaedah Penilaian Latihan Amali Dakwah Non-Muslim: Kajian terhadap Pengalaman Pelajar-pelajar Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan di FPI

Kod Projek: PTS-2011-100

¹A'dawiyah Ismail (Ketua Projek) ¹Abdul Ghafar Don, ¹Fariza Md. Sham,
¹Muhamad Faisal Asha'ari & ^{1,2}Siti Rugayah Tibek

¹Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
²Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Latihan Amali Dakwah Non Muslim merupakan pra syarat lulus kursus PPPM2023 Dakwah Non Muslim. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar tahun dua di Jabatan Pengajian Dakwah, Fakulti Pengajian Islam. Dua aspek yang diambil kira iaitu aspek teoritikal dan praktikal. Aspek teoritikal dijalankan di dalam bilik kuliah dengan menumpukan perbincangan konsep, falsafah dan metod dakwah berdasarkan nas al-Quran dan al-Sunnah. Manakala aspek praktikal pula, pelajar-pelajar didedahkan dengan kemahiran berdakwah terhadap orang asli dan lain-lain komuniti non muslim. Dakwah non muslim adalah aktiviti yang menyeru mengajak manusia yang belum Islam serta mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya dalam urusan kehidupan (Sulaiman Ibrahim et. al: 15 2001).

Beberapa masalah dikenalpasti menyebabkan dakwah kepada non muslim tidak berkesan. Di antara punca ialah kurang kemahiran dan latihan dakwah kepada non muslim, pendekatan yang kurang bersesuaian dengan sasaran dakwah, tidak menjiwai sifat pendakwah, kurang mengamalkan sikap pendakwah dan tanpa kaedah penyeliaan secara berkesan terhadap pelajar-pelajar. Permasalahan ini perlu diatasi oleh pensyarah dan pelajar-pelajar yang terlibat dalam aktiviti dakwah non muslim.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kemahiran pelajar terhadap dakwah non muslim, mengkaji pendekatan bersesuaian berdasarkan pengalaman dakwah secara lisan dan perbuatan ketika menjalani latihan amali dakwah non muslim, mengemukakan cadangan untuk meningkatkan strategi dan kemahiran berdakwah kepada non muslim kepada pelajar-pelajar di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. FPI UKM dan mengemukakan kaedah penilaian dalam latihan amali dakwah non muslim.

METODE KAJIAN

Reka bentuk kajian: Kajian ini melibatkan semua pelajar tahun dua (65 orang) yang terlibat dalam latihan amali dakwah non muslim di Perkampungan Orang Asli di Kg. Tanah Gembur, Ledang Johor.

1. Lokasi Kajian : Perkampungan Orang Asli, Kg. Tanah Gembur, Ledang Johor.
2. Sampel kajian :65 orang pelajar Tahun Dua, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI UKM yang menjalani Latihan amali dakwah non muslim bagi tahun 2011.
3. Kaedah pemilihan responden: Responden dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar Tahun Dua, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI UKM.
4. Kaedah pengumpulan data: Menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat mengenai latar belakang pelajar, kemahiran mengenai dakwah non muslim, pendekatanberdakwah kepada non muslim, strategi meningkatkan kemahiran dan amalan berdakwah kepada non muslim dan kaedah penilaian latihan amali dakwah non muslim.
5. Kaedah temubual: 3 orang pensyarah yang berpengalaman luas, berkemahiran mengenai dakwah non muslim dan pernah terlibat dalam penyeliaan ketika latihan amali dakwah non muslim
6. Pemerhatian turut dilakukan kepada pelajar-pelajar yang menjalani latihan amali dakwah non muslim berdasarkan kemahiran dan pendekatan yang digunakan.
7. Analisis data: Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif (SPSS version 14), manakala data daripada temu bual dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Kajian dakwah non muslim banyak dilakukan oleh para sarjana. Antaranya, Berhanuddin Abdullah (2009), yang bertajuk Dakwah ke luar kepada masyarakat non-muslim, Abdullah Muhammad Zain et.al (2009) yang bertajuk Metodologi dakwah kepada masyarakat orang asli: Pengalaman Pengislaman di Sungai Berua, Hulu Terengganu, Abdul Ghafar Don (2010) yang bertajuk Pembangunan komuniti orang asli dari perspektif perkembangan dakwah, Andek Masnah Andek Kelawa (2009) yang bertajuk Hubungan Muslim dengan Non Muslim Menurut Perspektif al-Quran, Ahmad Redzuwan Mohd.Yunus (2010) yang bertajuk Kejayaan dakwah masyarakat orang asli, Norsiah Ahmad et.al.(2008) yang bertajuk Kepentingan Program Pembelajaran berterusan dalam konteks pembangunan modal insan dan lain-lain.

PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)

1. Bengkel Pembinaan soal selidik
2. Temu bual
3. Mengedar soal selidik
4. Analisis Bahagian A –F
5. Menghadiri Kongres Pengajaran dan Pembelajaran anjuran PPA 2011, UKM
6. Pertandingan poster di Seminar Peribumi, 2011
7. Menghantar atikel ke Jurnal Scopus/ISI, 2012

PERBELANJAAN

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Keperluan barang-barang Bengkel Penilaian Kaedah LAD Non Muslim (1)	RM570.00
2.	Bengkel Penilaian kaedah LAD Non Muslim (1)	RM300.00
3.	Ink Colour (Laser jet) dan alat-alat kemudahan penyelidikan	RM3000.00
4.	Bengkel Penilaian kaedah LAD Non Muslim (2) dan lain- lain	RM2720.20
5.	Bayaran R. A (1)	RM1600.00
	Jumlah: (Baki: 10,000 – 8,190.20 = <u>1809.80</u>)	8,190.20s

CADANGAN AKTIVITI

1. Bengkel Kaedah Penilaian LAD Non Muslim
2. Menghadiri Persidangan
3. Penerbitan (Buku, prosiding, jurnal)

KESIMPULAN

Hasil kajian ini membantu para pelajar dalam memahami tuntutan berdakwah kepada non muslim, memantapkan kemahiran berdakwah kepada non muslim, mempraktikkan pendekatan yang bersesuaian dengan sasaran semasa berdakwah kepada non muslim, membentuk kaedah penyeliaan yang berkesan terhadap latihan amali dakwah non muslim, mengemukakan cadangan dan strategi untuk meningkatkan kemahiran berdakwah kepada non muslim sebagai penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini memberi sumbangan kepada universiti dalam melahirkan mahasiswa cemerlang dalam bidang dakwah. Manakala negara pula memiliki modal insan yang membangun dari aspek peribadi dan pemikiran dalam membentuk masyarakat bertamadun dan negara maju.